

BULETIN **UPKA**

Unit Pentadbiran Dan Kemudahan Am

Edisi 1 / Jan - Apr 2024

Lestari Tanpa Kompromi

Inisiatif *'Pejabat Hijau'*



Isi Kandungan

3

Dari Meja
Penasihat Buletin

4-10

Fokus

11-15

Bengkel/Mesyuarat/
Aktiviti/Program

16-17

Santai
Bersama

18-19

Salam
Aidilfitri 2024



Sidang Redaksi

PENASIHAT

Encik Mohd Saberi Mohd Yusoff

EDITOR

Cik Wan Nurfatin Shahirah Wan Ariffin

PENYELARAS SUMBER

Bahagian Perolehan & Kewangan

Encik Azharuddin Abdul Aziz
Puan Suhaila Hashim
Puan Norhasmirina Nawī

Bahagian Pengurusan Aset & Perkhidmatan Dobi

Puan Norashikin Aziz
Encik Ahmad Afifi Haji Ismail
Puan Nur Adibah Muslim
Puan Jawaratul Saniah Kamal Abd Nasir

PEREKA

Encik Muhamad Syakirin Hakim Khairul Nizam

PEMBACA PRUF

Encik Wan Fadhlullah Farhan Wan Fauzi

Bahagian Sumber Manusia

Cik Mirawaty Mat Ghani
Encik Ahmad Azwan Ab Rahman

Bahagian Pembangunan Organisasi & Governan

Cik Wan Nurfatin Shahirah Wan Ariffin

Kelab Kebajikan UPKA (KUPKA)

Dari Meja Penasihat Buletin

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya kita dapat bersua lagi di dalam edisi awal tahun 2024 ini. Saya juga ingin menzahirkan rasa bersyukur kerana masih diberikan kesempatan untuk kita meneruskan lagi penerbitan Buletin sebagai sebuah medium perkongsian setiap aktiviti yang dijalankan di Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am dan juga di Hospital USM.

Sebagai permulaan tahun 2024, marilah kita sama-sama melangkah dengan penuh iltizam dan semangat yang tinggi untuk melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dengan penuh komited, cemerlang dan berkualiti. Saya harapkan agar setiap staf UPKA menjadikan segala halangan mahupun kejayaan tahun lalu sebagai pelajaran yang berharga untuk terus mencipta lebih banyak kejayaan dan kenangan pada tahun 2024 ini.

Dalam buletin edisi kali ini, dipaparkan pelbagai program menarik yang telah dilaksanakan di peringkat Hospital USM dan khususnya di Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am sepanjang Januari hingga April. Kejohanan Tenpin Boling Peringkat UPKA 2024 telah diadakan sebagai pembuka tirai tahun 2024 bagi warga kerja UPKA. Kejohanan ini merupakan salah satu acara yang dinantikan oleh warga UPKA termasuk saya sendiri. Melalui acara sebegini, ia bukan sahaja dapat menjadi platform untuk semua staf bersukan dan bersantai, bahkan dapat memperkukuhkan semangat kekeluargaan dalam kalangan warga UPKA.

Kita juga telah menerima ahli baru UPKA iaitu seorang Penolong Pegawai Tadbir, Cik Nurul yang akan bertugas di bawah Bahagian Perkhidmatan Aset serta seorang Pembantu Operasi yang akan membantu melancarkan lagi urusan perkhidmatan di UPKA iaitu En Amir. Selamat datang saya ucapkan kepada keduanya dan semoga khidmat Cik Nurul dan En Amir dapat membantu UPKA untuk lebih cemerlang pada tahun 2024.

Akhir kata, terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dan kerjasama dalam menjayakan usaha penerbitan buletin kali ini. Saya berharap semoga segala gerak kerja yang dirancanakan oleh semua pihak pada tahun ini akan membawa kecemerlangan dan kesejahteraan yang berterusan kepada sluruh warga UPKA.

Sekian, Terima Kasih.



Majlis Pelancaran BUKU PENGURUSAN PERKHIDMATAN DOBI, HOSPITAL USM

Buat julung kalinya, Buku Pengurusan Perkhidmatan Dobi Hospital USM diterbitkan dalam usaha menyahut cabaran Pengarah Hospital USM dalam menghasilkan buku rujukan sebagai panduan untuk semua pihak yang terlibat. Penerbitan buku ini juga merupakan satu langkah dalam memanjangkan medium penyampaian maklumat serta pendedahan kepada pihak berkaitan tentang tatacara dan prosedur dalam mengendalikan linen di hospital.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Pengarah Hospital USM, Prof. Dato' Nik Hisamuddin Nik Abd. Rahman ketika Majlis Perutusan Tahunan Bersama Pengarah Hospital USM. Diharapkan agar buku pelaporan ini dapat memberikan pencerahan dan maklumat berkaitan Perkhidmatan Dobi Hospital USM seterusnya meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan Hospital USM.



Muka Depan



Muka Belakang



Antara isi-isi kandungan Buku Pengurusan Perkhidmatan Dobi






**MAJLIS PERUTUSAN
 PENGARAH HOSPITAL USM
 TAHUN 2024**

 Mendasari Landasan Ke Arah Perkhidmatan Cemerlang
 Hospital USM

DATO' PROF. DR. NIK HISAMUDDIN NIK AB. RAHMAN
 PENGARAH HOSPITAL USM

5 MAC 2024
 9.00 PAGI
 AUDITORIUM BLOK PENTADBIRAN
 HOSPITAL USM

Majlis Perutusan Pengarah Hospital USM 2024

*“ Mendasari Landasan
 Ke Arah Perkhidmatan
 Cemerlang Hospital
 USM ”*

5 Mac 2024

Majlis yang berlangsung di Auditorium Blok Pentadbiran ini telah melibatkan semua staf Hospital USM yang berkelengkapan pada hari tersebut.

YBrs Pengarah Hospital ketika majlis tersebut menyampaikan amanat beliau dan menyeru agar setiap warganya untuk bergerak selari dengan agenda APEX universiti dan bekerja kuat untuk menaikkan 'brand' Hospital USM.

Majlis ini telah berjaya diadakan dibawah kelolaan Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am serta pihak lain yang terlibat. turut diadakan pelancaran Buku Pengurusan Perkhidmatan Dobi Hospital USM dan penyampaian sijil penghargaan kepada kakitangan dan staf yang telah menaikkan nama Hospital USM.





Kejohanan

TEN-PIN BOWLING

UPKA 2024

8 Mac 2024 – Acara yang paling dinantikan oleh warga UPKA pada tahun ini iaitu Kejohanan Ten-Pin Boling UPKA 2024 telah berjaya dianjurkan dengan penuh meriah di Lite Superbowl JB7, Mydin Tunjong. Menarik lagi tahun ini, Kelab UPKA telah memutuskan untuk memberikan sentuhan unik dengan menganjurkan kejohanan boling bertemakan kain sarong. Konsep yang dibawakan ini tidak hanya menambah keseronokan dan kreativiti peserta, tetapi juga membawa elemen tradisi semasa pertandingan berlangsung.

Sebelas kumpulan telah dibentuk terdiri daripada empat (4) orang ahli, harus berpakaian bertemakan kain sarong semasa bermain. Pelbagai gelagat dan aksi yang dipamerkan oleh setiap pasukan demi meraih gelaran juara Kejohanan Ten-Pin Boling UPKA 2024 memeriahkan suasana pada hari tersebut

Penganjuran pertandingan seperti ini diharapkan dapat diteruskan pada masa-masa hadapan kerana melalui medium ini kita dapat memperkukuhkan lagi hubungan antara staf di samping memberi peluang untuk berinteraksi dengan lebih dekat dan mencipta kenangan berharga bersama-sama



En. Nazeri atau lebih mesra dipanggil Pok Teh telah dinobatkan sebagai 'Raja Boling' UPKA manakala Cik Mirawaty pula dinobatkan sebagai 'Ratu Boling'. Tidak lupa juga dengan tema sarong bagi kejohanan kali ini, Kumpulan 9 telah memenangi kategori Pakaian Tema Terbaik. Syabas dan tahniah kepada semua pemenang!

Team

9



Pakaian Tema Terbaik

Pn. Muna
En. Syakiran
Pn. Rosmini

Pemenang - pemenang Kejuhanan Ten-pin Bowling UPKA 2024



Juara

Team 10

Cik Mirawaty
En. Helmi
En. Abdullah

Jatuhan Pin:

733



Naib Juara

Team 2

Pn. Jawaratul
En. Ameer
En. Saidi



Tempat Ke-3

Team 5

En. Saberi
En. Nazeri
Pn. Hasmirina

Sorotan Kejohanan Ten-pin Bowling UPKA 2024



HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYA

Hospital Pengajar Universiti



KELESTARIAN UPKA 2024

Universiti Sains Malaysia (USM) terus giat untuk merealisasikan penzahiran usaha dalam menjadi sebuah universiti yang memimpin kelestarian bertaraf dunia sejajar dengan penganugerahan APEK yang diterima pada 2008. Demi menyahut usaha yang dilakukan oleh Universiti, UPKA telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kelestarian sebagai salah satu usaha untuk melestarikan amalan hijau dalam pengurusan di tempat kerja. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan program 'Pejabat Hijau' dapat dilaksanakan selaras dengan matlamat kelestarian yang ditekankan oleh Universiti

Jawatankuasa ini telah dipegerusikan oleh En Mohd Saberi sendiri dengan bantuan dari Pegawai Kelestarian UPKA yang telah dilantik iaitu En Azwan bersama dengan beberapa orang ahli lain yang akan membantu melancarkan lagi agenda kelestarian di peringkat UPKA. Pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan dalam usaha menghidupkan kelestarian di peringkat UPKA. Antara aktiviti dan program yang telah dilakukan ialah, Gotong-royong kelestarian di Stor UPKA, Program Plogging Taman UPKA, penyediaan tong sampah kitar semula di dalam pejabat, sudut kelestarian di pintu masuk pejabat dan di stor UPKA.



Carta Organisasi AJK Kelestarian UPKA.

Tahukah Anda?

Pejabat Hijau

"Konsep pejabat hijau ialah pendekatan yang Lestari dan mesra alam untuk mereka bentuk dan mengendalikan ruang pejabat. Ianya melibatkan pelaksanaan amalan dan dasar yang mengurangkan kesan alam sekitar dalam amalan dan penggunaan seharian di pejabat."



Aktiviti Kelestarian UPKA



Program Gotong-royong Kelestarian di Stor UPKA Aktiviti Kelestarian UPKA

Program gotong-royong ini dijalankan bagi memastikan kebersihan dan keteraturan stor dapat dijaga dengan baik. Aktiviti ini telah dilaksanakan di stor Bangunan Pentadbiran serta di stor alat tulis yang melibatkan staf-staf UPKA yang berkelapangan pada hari tersebut



Program Plogging dan Gotong-royong di Taman UPKA

Sejajar dengan program kelestarian yang telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Kelestarian Hospital USM semenjak Ogos 2023, Jawatankuasa Kelestarian UPKA telah melaksanakan satu program plogging membersihkan kawasan taman UPKA dan kawasan sekitar Blok Pentadbiran Hospital USM pada 10 Mac 2024 yang lalu.





Pokok-pokok 'indoor' yang di letakkan di kaunter pejabat

Papan kenyataan di laluan pintu utama pejabat



Antara usaha staf UPKA untuk menghijaukan ruangan pejabat & meja kerja



Inisiatif yang diusahakan oleh Jawatankuasa Kelestarian UPKA dalam menjayakan Program 'Pejabat Hijau'

Mesyuarat Perjumpaan Pengarah Hospital USM Bersama Unit di Bawah Hospital - UPKA

8 Januari 2024 – Awal tahun 2024 dimulakan dengan mesyuarat perjumpaan Pengarah Hospital USM, Dato' Profesor Dr. Nik Hisamuddin Nik Ab. Rahman bersama unit-unit di bawah Hospital USM. Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am telah menghadiri perjumpaan tersebut pada 8 Januari yang lalu bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Pengarah Hospital yang diwakili oleh Pegawai Tadbir dan Penolong Pegawai Tadbir dari setiap bahagian di bawah UPKA



Objektif perjumpaan ini diadakan adalah bertujuan untuk meneliti pencapaian dan kelemahan yang dihadapi pada tahun sebelum seterusnya menambahbaik proses kerja agar dapat meningkatkan mutu pencapaian pada tahun 2024 selaras dengan agenda APEX USM. Turut hadir semasa mesyuarat iaitu Timbalan Pendaftar Kanan Hospital USM, En. Mohd Saberi Mohd Yusoff selaku Penyelaras Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am.

Bengkel Perancangan Strategik 2024, Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am

17 Januari 2024 – Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am telah melaksanakan bengkel perancangan strategik pada permulaan tahun 2024 bagi menetapkan sasaran utama serta menambahbaik proses kerja untuk setiap bahagian masing-masing. Bengkel ini telah berlangsung selama satu (1) hari di Bilik Seminar Aras 2 melibatkan seluruh staf UPKA serta beberapa orang staf dari Bahagian Perkhidmatan Dobi.



'Professional Corporate Team Building Programme' Hospital USM

Kursus pemantapan ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi kefahaman dan pengetahuan tentang aspek pemantapan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai peribadi serta sebagai platform untuk memberi kefahaman, berkongsi idea dan penjelasan mengenai budaya kerja cemerlang. Selain itu, kursus ini juga sebagai medium untuk mengeratkan perhubungan dan interaksi antara pengurusan Hospital USM dan staf-staf.

Kursus ini telah diadakan secara bersiri melibatkan kumpulan-kumpulan tertentu yang telah dikenalpasti oleh pihak pengurusan. Siri 1 telah diadakan di Bukit Keluang Beach Resort pada 29 Februari hingga 2 Mac melibatkan Kumpulan paramedik Hospital USM dari gred 11 hingga gred 36. Manakala, Siri 2 melibatkan staf dari Kumpulan pelaksana dan telah diadakan bertempat di Centre for Marine and Coastal Studies (CEMACS), USM Pulau Pinang selama tiga (3) hari bermula 25 April hingga 27 April 2024.



Siri 1 di Bukit Keluang Resort pada 29 Februari hingga 2 Mac 2024



Siri 2 di Centre for Marine and Coastal Studies (CEMACS) pada 25 April hingga 27 April 2024

Ramadan UPKA – 24 Days Fit Challenge



Bersama pemenang-pemenang UPKAFIT Ramadan Challenge 2024

'Challenge' yang sentiasa dinanti-nantikan oleh warga UPKA setiap kali tibanya bulan Ramadan kembali lagi untuk tahun 2024. Pada tahun ini, tempoh cabaran yang ditetapkan adalah selama 24 hari oleh kerana ingin memberi laluan kepada staf-staf yang akan pulang awal ke kampung untuk menyambut Aidilfitri. Walaupun tempoh yang ditetapkan singkat berbanding tahun sebelumnya, namun masing-masing begitu bersemangat dan komited dalam menyelesaikan cabaran ini.



Aktiviti timbang berat dimulakan pada 12 Mac 2024 bersamaan dengan 1 Ramadan dan berakhir pada 4 April 2024 bersamaan 24 Ramadan. Program tradisi ini menjadi medium untuk membakar semangat staf untuk menurunkan berat badan bagi meraih gelaran juara di samping dapat memupuk amalan gaya yang sihat agar semua dapat kekal sihat dan cergas untuk melakukan ibadah di bulan puasa.



Pelupusan Aset Hospital USM oleh Jawatankuasa Pelupusan Aset dan Barang (JPAB)



Aktiviti pelupusan aset oleh Jawatankuasa Pelupusan Aset dan Barang (JPAB) Kampus Kesihatan telah diadakan beberapa siri bermula Januari hingga April 2024 bagi melupuskan aset-aset Hospital USM yang telah diperakukan. Sebanyak dua (2) siri pelupusan telah diadakan iaitu pada 25 Januari bagi JPAB ke-73 di mana sebanyak 275 item telah dijual secara pukal manakala satu siri lagi telah diadakan pada 17 Mac bagi JPAB ke-74 dan sebanyak 304 item dijual secara pukal serta 5 buah item katil telah dipersetujui untuk dilupus secara hadiah. Pengarah Kampus Kesihatan, Prof. Dr. Shaiful Bahari Ismail selaku Pengerusi JPAB diringi oleh ahli JPAB telah terlibat sama semasa aktiviti pelupusan dijalankan. Pelupusan ini melibatkan aktiviti pelupusan dari Hospital USM di mana pihak Pengurusan Aset Hospital USM telah membuat permohonan khas kepada pihak Jawatankuasa bagi membolehkan aset-aset Hospital dilupuskan dalam kuantiti yang banyak

Majlis Sambutan Pra Ramadan, Penyerahan Sumbangan Dana Penjanaan Kelab UPKA untuk Tabung Kebajikan Pesakit, Sumbangan Naiktaraf Surau Hospital USM & Penyerahan Kurma kepada Staf UPKA



Majlis telah berlangsung pada 4 Mac 2024 di ruangan pejabat UPKA yang telah dihadiri oleh wakil dari Pusat Islam, En. Mohd Lela serta wakil dari Unit Kerja Sosial Perubatan, Pn. Haszawati dan Pn. 'Alyaa untuk menerima sumbangan dana daripada Kelab UPKA bagi menaiktaraf surau Hospital USM dan juga untuk Tabung Kebajikan Pesakit Hospital USM. Turut diadakan juga penyerahan kurma kepada staf UPKA sempena menyambut kedatangan bulan Ramadan. Kongsi rezeki bersama.



Majlis Penyerahan Mock-Cheque Yayasan UEM di Mercu UEM

Untuk tahun ke-enam berturut-turut, Yayasan UEM meneruskan kerjasama bersama Hospital Universiti Sains Malaysia (Hospital USM) melalui YUEM Medical Assistance Programme 2024 dengan menyalurkan sumbangan sebanyak RM500,000.00 dalam usaha bagi membantu pembiayaan perubatan bagi pesakit kurang berkemampuan di sini.



Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Urusan UEM Group Berhad merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UEM, Dato' Haji Mohd Izani Ghani kepada Pengarah Hospital USM, Dato' Profesor Dr. Nik Hisamuddin Nik Ab Rahman di satu Majlis Penyerahan Mock Cheque yang berlangsung di Mercu UEM, KL Sentral, Kuala Lumpur. Komitmen berterusan Yayasan UEM sejak tahun 2019 telah menjadikan jumlah keseluruhan yang diterima oleh Hospital USM adalah sebanyak RM2.68 juta di mana sebanyak 456 orang di sini telah menerima manfaat daripada sumbangan ini.

Delegasi Hospital USM yang turut hadir pada majlis ini ialah Timbalan Pendaftar Kanan, Encik Mohd Saberi Mohd Yusoff, Penyelaras Unit Pembangunan Korporat M, Profesor Dato' Dr. Ab Rahman Izaini Ghani @ Ab Ghani, Ketua Unit Kerja Sosial Perubatan, Encik. Shamsul Amri Sallehuddin dan Penolong Pendaftar, Wan Fadhlullah Farhan Wan Fauzi.



Sumber: En. Shamsul Amri & En. Fadhlullah Farhan

Santai Bersama

Cik Nurul Asyikin Mat Hasan



Q: Boleh ceritakan serba sedikit latar belakang Cik Nurul?

A: Alhamdulillah, sebelum itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Sidang Redaksi Buletin UPKA kerana memberi kesempatan untuk saya muncul di ruangan Santai Bersama sebagai salam perkenalan kepada semua. Saya merupakan graduan berkelulusan Sarjana Muda Kaunseling dari Universiti Malaysia Terengganu dan merupakan anak ke-4 daripada 6 beradik.

Q: Jika tidak keberatan boleh Cik Nurul kongsi perjalanan kerjaya di Hospital USM?

A: Kerjaya saya di Hospital USM bermula sebagai seorang Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Kaunter Saringan Covid-19 (KSC). Saya mula berkhidmat di sana ketika di awal fasa negara kita dilanda wabak Covid-19 sehinggalah ianya diisytihar sebagai endemik. Kemudian, saya ditawarkan ke jawatan sebagai Pembantu Tadbir dan ditugaskan di makmal yang baru dibuka ketika itu iaitu Central Diagnostic Laboratory (CDL). Alhamdulillah, setelah 9 bulan berkhidmat di sana, saya ditawarkan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir dan berkhidmat di Unit Perubatan Tansfusi merangkap Pegawai Perhubungan Awam selama 3 bulan sebelum melaporkan diri di sini, Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am di bawah Bahagian Pengurusan Aset.



Q: Apakah kenangan yang paling manis sepanjang berkhidmat di Hospital USM?

A: Kenangan yang paling manis bagi saya ialah semasa bertugas di Kaunter Saringan Covid-19 (KSC). Walaupun ketika itu negara sedang dilanda Covid-19 yang serius, namun saya memberanikan diri untuk berhadapan dengan risiko jangkitan wabak Covid-19. Semasa tempoh bekerja saya dapat melihat kakitangan yang lain yang lengkap memakai PPE bertungkus lumus menjaga penularan wabak Covid-19. Antara kenangan yang saya tidak dapat lupakan sehingga kini ialah ketika dimarahi oleh orang awam kerana tidak membenarkan mereka melawat tanpa syarat yang telah ditetapkan oleh pihak hospital. Saya agak terkilan pada mulanya tetapi dengan cara itu mengajar saya untuk kental dan sabar dalam melayan kerenah pesakit dan orang awam yang berlatar belakang daripada pelbagai umur, bangsa dan agama. Di samping itu, jaringan ukwah antara staf sangat kuat di mana staf yang bertugas merupakan staf dari unit/jabatan lain lain. Memandangkan saya baru bekerja di situ, jadi ia merupakan rezeki saya untuk berkenalan dengan lebih mudah serta dapat berkongsi ilmu mengenai kepakaran bidang mereka dalam bekerja unit/jabatan masing-masing.

Q: Apakah perkara yang gemar dilakukan ketika waktu lapang?

A: Semasa waktu lapang saya lebih gemarkan aktiviti 'indoor' seperti ping-pong. Walaupun saya berpakaian formal kadang-kadang saya bermain bersama rakan ketika waktu rehat atau selepas waktu kerja. Daripada situ saya dapat menyertai pertandingan mewakili Hospital dalam kelab Amels dan mendapat naib johan untuk kategori perseorangan wanita. Selain itu, sering kali pada waktu malam atau hujung minggu saya bermain badminton bersama rakan sebaya saya. Saya pantang diajak kerana saya sangat menyukai sukan tersebut dari sekolah rendah lagi.



Q: Apakah harapan Cik Nurul untuk HUSM dan UPKA?

A: Harapan saya pada Hospital USM khususnya di UPKA sendiri ialah saya berharap agar saya dapat menjalankan tanggungjawab dengan sebaik mungkin kerana apa yang saya belajar pada hari ini merupakan pengalaman kepada saya di kemudian hari. Saya juga berharap agar khidmat selama disini dapat membantu meningkatkan mutu perkhidmatan saya sebagai seorang staf Hospital USM.



Floria Aidilfitri

Kampus Kesihatan USM

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2024 / 1445H
Kampus Kesihatan USM





Selamat Hari Raya
Aidilfitri
Maaf Zahir Batin
Dari
UPKA

#SHRAMZB



**DITERBITKAN OLEH:
UNIT PENTADBIRAN & KEMUDAHAN AM
www.hospital.usm.my**